

Praktis Topikal 5

Bahagian A

5.1 Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka

- 1 Pernyataan berikut berkaitan pengasasan Kesultanan Melayu Melaka.

Buku
Teks
m/s 72

Parameswara telah memilih Melaka sebagai lokasi untuk membentuk kerajaan.

Mengapakah Parameswara memilih lokasi tersebut?

- A Mempunyai tanah yang subur
- B Menjadi tarikan pedagang Barat
- C Mempunyai pelbagai kemudahan
- D Mempunyai kedudukan yang strategik


- 2 Apakah manfaat daripada bentuk muka bumi berbukit bukau kepada Kesultanan Melayu Melaka?

Buku
Teks
m/s 73

- I Dijadikan benteng pertahanan
 - II Dijadikan panduan kapal dagang
 - III Dijadikan pelindung semula jadi yang sukar ditembusi
 - IV Membolehkan kapal dagang berlabuh dengan selamat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Peta berikut menunjukkan Selat Melaka yang terlindung daripada tiupan angin monsun.

Buku
Teks
m/s 73



Bagaimanakah keadaan tersebut memajukan kegiatan perdagangan Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mengawal laluan kapal dagang
- B Menjadi panduan kapal dagang
- C Menjadi benteng pertahanan semula jadi
- D Kapal dagang datang dan berlabuh dengan selamat

5.2 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

- 4 Mengapakah konsep daulat, adat istiadat dan alat kebesaran penting dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?

Buku
Teks
m/s 75

- A Mengekalkan kuasa raja
- B Mempertahankan kewibawaan raja
- C Memartabatkan kedaulatan kerajaan
- D Menjadikan raja mempunyai kedudukan yang tinggi dan istimewa

- 5 Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka berasaskan Sistem Pembesar Empat Lipatan. Bagaimanakah sistem ini diterapkan dalam pentadbiran kerajaan?

Buku
Teks
m/s 76

- A Pembesar menjadi penasihat raja dalam urusan perundangan
- B Memantapkan sistem pentadbiran beraja melalui peranan pembesar
- C Pembesar membuat keputusan dalam semua urusan pentadbiran kerajaan
- D Melantik pembesar di setiap peringkat pentadbiran untuk melicinkan pentadbiran

- 6 Maklumat berikut berkaitan undang-undang yang diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka.

Buku
Teks
m/s 78

- Ditulis semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah
- Mengandungi 44 fasal yang berkaitan hak keistimewaan, tanggungjawab raja dan pembesar

Apakah undang-undang tersebut?

- A Undang-Undang Laut Melaka
- B Hukum Kanun Melaka
- C Adat Temenggung
- D Adat Perpatih

7 Antara berikut, yang manakah berkaitan undang-undang adat yang digunakan oleh Kesultanan Melayu Melaka?

Buku
Teks
m/s 79

- I Berkaitan sistem perkahwinan
 - II Diasaskan oleh Sultan Mahmud Shah
 - III Terdapat hukum Islam berkaitan jenayah
 - IV Mengamalkan sistem pemerintahan beraja
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Bagaimanakah agama Islam tersebar ke Kesultanan Melayu Melaka?

Buku
Teks
m/s 82

- I Peluasan kuasa
 - II Pengislaman pemerintah
 - III Hubungan persahabatan
 - IV Peranan cendekiawan Islam
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Apakah faktor yang membolehkan pelabuhan Melaka terkenal dan berkembang dengan pesat di Alam Melayu?

Buku
Teks
m/s 84

- I Kemudahan tempat penginapan
 - II Pelabuhan yang besar dan dalam
 - III Kedudukan Melaka yang strategik
 - IV Banyak barangan yang diperdagangkan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10 Maklumat berikut berkaitan peranan pembesar yang menguruskan perdagangan Kesultanan Melayu Melaka.

Buku
Teks
m/s 86

X

- Menguruskan pasar dan gudang
- Menjaga kebajikan dan keselamatan pedagang
- Memeriksa alat timbang, sukat dan mata wang
- Menjadi hakim di pelabuhan
- Menguruskan cukai
- Menguatkuasakan peraturan keluar masuk kapal

Siapakah X?

- A Bendahara
- B Orang Laut
- C Laksamana
- D Syahbandar

11 Melaka menjalin hubungan dengan China untuk mendapatkan naungan dan perlindungan.

Buku
Teks
m/s 89

- Apakah kesan hubungan tersebut?
- A Mengelakkan ancaman Siam
 - B Mengelakkan serangan Jepun
 - C Mengelakkan serangan Demak
 - D Mengelakkan ancaman Majapahit

5.3

Pengakhiran Kesultanan Melayu Melaka yang Berpusat di Melaka

12 Antara berikut, yang manakah menunjukkan kelemahan kepimpinan yang menyebabkan pengakhiran Kesultanan Melayu Melaka?

Buku
Teks
m/s 90

- I Pengkhianatan oleh askar upahan
 - II Persaingan kuasa antara pembesar
 - III Penyelewengan dalam pentadbiran
 - IV Perbalahan dalam kalangan pembesar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13 Bagaimanakah kepemimpinan Melaka menewaskan serangan Portugis?

Buku
Teks
m/s 90

- I Menggunakan tentera bergajah
 - II Tembakan meriam bertalu-talu dari pantai
 - III Menggunakan kapal besar yang dilengkapi senjata moden
 - IV Mendapatkan bantuan ketenteraan daripada negeri naungan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Maklumat berikut merupakan faktor kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka. (KBAT)

- Kelemahan Sultan Mahmud Shah
- Perbalahan pembesar

Sekiranya anda pemimpin pada masa itu, apakah langkah yang akan anda ambil untuk mengatasi kelemahan tersebut?

- A Mengubah sikap dan berdamai
- B Menguasai ilmu dan bersepakat
- C Menyelidik strategi musuh dan bertindak tegas
- D Perubahan penyampaian dan menghukum pesalah